

Karnival Kimia Malaysia (K2M) 2017 Peringkat Negeri Sabah dan Labuan



Labuan, 9 Oktober – Buat julung kalinya, Karnival Kimia (K2M) 2017 Peringkat Negeri Sabah dan Labuan telah diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan dengan matlamat utamanya untuk memberikan pendedahan tentang Kimia dalam kehidupan seharian.

Program anjuran Institut Kimia Malaysia Cawangan Sabah dan W.P. Labuan, dengan kerjasama Jabatan Pendidikan W.P. Labuan dan Perbadanan Labuan telah berlangsung di Dewan Kolej Matrikulasi Labuan pada 7 Oktober yang lalu.

Bersandarkan tema, "*Sustainability & Diversity through Chemistry*", K2M akan menghubungkan kimia dengan

beberapa aspek kehidupan seperti makanan dan pemakanan, air dan tenaga, persekitaran dan perubahan iklim.

Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan, untuk mencapai empat matlamat utama iaitu meningkatkan kesedaran orang awam terhadap keupayaan bidang kimia dalam memenuhi keperluan dunia, menggalakkan minat bidang kimia di kalangan generasi muda, menjana keghairahan demi kreativiti masa hadapan untuk bidang kimia dan meraikan pencapaian Marie Curie dan sumbangan wanita dalam bidang kimia.

Karnival ini telah dirasmikan oleh YB Senator Datuk Hj Bashir Alias yang turut dihadiri oleh Dr. Jenny Lee, Pengerusi Institut Kimia Malaysia, Cawangan Sabah, Tuan Haji Rithuan Hj Mohd Ismail, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran) , Perbadanan Labuan dan Puan Norismah Ab Moin, Ketua Sektor Pengurusan Akademik JPWPL.



Pelajar-pelajar yang menyertai Karnival Kimia 2017